

Untuk Siaran Segera

Panasonic Memperkenalkan Plasma TV HD Penuh 3D Untuk Pengguna dan Rangkaian TV Viera Yang Diiktiraf

Rangkaian Viera 2010 Memberi Fokus untuk Pengalaman Menonton TV Dengan Akses Internet VIERA CAST™, Kualiti Gambar Yang Diperbaharui, Luminasi dan Penjimatan Tenaga dan Komitmen Berterusan Terhadap Persekitaran

Petaling Jaya, 25 Mac 2009 - Panasonic memperkenalkan barisan TV Plasma Viera dan LCD 2010, termasuk televisyen terbaru HD Penuh 3D untuk persekitaran rumah. Dari rekaan barisan TV Plasma pada tahun 2009, Panasonic telah mempamerkan fungsi internet yang lebih canggih dengan menggunakan fungsi dari VIERA CAST IPTV dan teknologi NeoPDP yang meningkatkan kualiti gambar.

Dengan komitmen Panasonic terhadap persekitaran, kesemua model 2010 mempunyai penggunaan kuasa yang dipertingkatkan. Barisan Plasma HDTV VIERA 2010 mempunyai empat kali lebih kecekapan luminasi. Barisan VIERA 2010 ini juga memaparkan VIERA Link™ untuk meningkatkan rangkaian dan SD Link bagi tontonan digital dan video AVCHD.

Setiap tahun, Panasonic memberi dedikasi untuk memperbaharui teknologi penggambaran kepada HDTV dan ini terbukti pada barisan televisyen tahun 2010 ini. Pengguna lebih pintar dan inginkan warna hitam yang mempunyai definasi lebih hitam, masa respon lebih pantas dan jutaan warna dalam Plasma Panasonic. Panasonic diiktiraf sebagai plasma yang mempunyai definasi hitam paling tinggi dalam industri dan rangkaian Viera 2010 membuktikan dengan teknologi NeoPDP yang memberikan tapisan hitam terhad dengan panel kecekapan yang lebih tinggi, membolehkan keseimbangan hitam dan putih di bawah persekitaran terang.

Panel terbaru, 'infinite black' (hitam terhad) mengurangkan pantulan dan memberi kesan gambar yang lebih terang dengan kontras tinggi dalam persekitaran yang cerah.

Tambahan lagi, struktur panel baru dan teknologi kawalan pra-discaj memberi kesan pada tahap kontras terhad asli. Panasonic juga terus bekerjasama dengan THX[®] dengan beberapa model yang disahkan dari syarikat yang diasaskan oleh George Lucas.

Komitmen penuh Panasonic dalam ketahanan dan penghasilan produk yang mesra alam dibuktikan dalam jangka hayat 100,000 jam sebuah TV Plasma dan kurang penggunaan 'lead' atau merkuri dalam panel TV. Selain pembaharuan teknologi lain, kecekapan kuasa kini lebih baik, campuran fosforus dan elektronik yang lebih efisien.

"Dalam kesemua kelebihan pembaharuan ini, pengguna paling berminat tentang kualiti gambar," menurut Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia. "Tanpa ragu, Plasma & TV LCD Panasonic pasti memberi kualiti gambar terbaik. Janji kami terhadap kecemerlangan dan kualiti telah disahkan oleh pengakuan pengguna dan melalui rencana liputan media, disamping menjadi peneraju dalam pasaran sejak tiga tahun lalu. Panasonic terus memperbaharui teknologi disamping menyediakan hiburan tambahan seperti fungsi IPTV, VIERA CAST dan *SD Link* yang membolehkan pengguna menonton gambar pada skrin besar. Panasonic sangat komited dalam pembangunan dan kejayaan Plasma.

"Dengan pengenalan kepada HD Penuh 3D dalam saiz skrin dari 50 inci sehingga 65 inci, Panasonic memberi kepuasan menonton televisyen di rumah. dengan adanya teknologi terkini. Kami telah beralih dari televisyen hitam putih ke televisyen berwarna ke televisyen digital dan ke televisyen definasi tinggi. Sekarang dengan 3D, Panasonic menjadikan televisyen yang lebih realistik. 3D terbukti mempunyai kesan yang tinggi dan kami yakin ia akan beralih ke barangan elektronik pengguna," tambah Jeff.

Dengan fungsi pemilikan IPTV Panasonic, VIERA CAST menambah pengalaman pengguna dengan penyambungan USB, membolehkan penyesuai LAN *wireless*, papan kekunci dan memori USB.

Disamping mempunyai akses ke laman web hiburan seperti YouTube™ Google, Picasa™, Google's Web Album, Bloomberg dan servis cuaca; VIERA CAST 2010 memberi akses kepada laman web seperti Skype™ dan Twitter.

Dengan kemudahan penggunaan sebagai fokus, VIERA CAST digunakan semudah memasukkan input kata kunci (seperti telefon bimbit) untuk membantu mendapatkan kandungan kegemaran dengan mudah dan cepat.

Kesemua Plasma & TV LCD Panasonic mempunyai VIERA Link – satu teknologi yang menggunakan HDMI-CEC (Kawalan Elektronik Pengguna) dan memudahkan operasi kesemua komponen A/V yang sesuai dengan VIERA Link dengan hanya menggunakan alat kawalan jauh dan menu pada skrin

Selain operasi TV LCD & VIERA Plasma, pemain video seperti (Blu-ray dan pemain DVD) dan penerima set *home theater*, VIERA Link membolehkan operasi rangkaian kamera yang sesuai apabila memerhati kawasan dalam rumah/bilik kanak-kanak. Kamera Rangkaian yang sesuai dengan VIERA Link boleh disambung pada Televisyen VIERA dan dikawal melalui alat kawalan jauh VIERA Link. Pengguna boleh memerhati anak mereka, haiwan peliharaan dan/atau harta benda dengan memasang kamera dan rangkaian pada Plasma VIERA & TV LCD melalui kabel *Ethernet* (eternet).

Sehingga tahun 2009, kesemua Plasma VIERA & TV LCD Panasonic bercirikan SD Link, sebuah fungsi yang memudahkan tontonan gambar digital dan dalam beberapa model, terdapat kebolehan untuk ulang tayang video AVCHD yang dirakam pada Kad SD.

Pada tahun 2010, Plasma VIERA & TV LCD diiktiraf pada tahun 2009 untuk mempunyai jangka hayat 100,000 jam. Ini bersamaan dengan tontonan lebih 30 tahun pada lebih 8 jam sehari, sebelum televisyen mencapai kecerahan yang kurang. Untuk meningkatkan kualiti gambar, Plasma VIERA & TV LCD bercirikan inovasi pengguna seperti *600Hz Sub-field Drive* dan *Infinite Black (Hitam Terhad)* dengan nisbah kontras yang diperbaharui. Pengiktirafan THX membuktikan dedikasi Panasonic dalam menghasilkan pengalaman tontonan kualiti tertinggi buat pengguna.

THX Ltd bekerjasama dengan Panasonic dari peringkat awal rekaan produk sehingga ke penghasilan produk dalam pasaran. Pensijilan THX memastikan setiap set boleh memainkan kesemua kandungan HD dan definisi standard sehingga ke resolusi maksimum dengan warna dan tahap luminasi yang tepat.

HD Penuh Plasma VIERA & TV HD 2010 Panasonic

Siri VT (3D) (boleh didapati pada August 2010)

Televisyen Panasonic HD Penuh 3D akan dihantar masuk pada Ogos 2010 dengan dua model **TH-P65VT20K**, **TH-P50VT20K** dalam siri VT. Televisyen HD Penuh 3D Panasonic menyediakan resolusi 1080p kepada kepada mata kanan dan kiri, memberi penonton pengalaman hiburan 3D yang menakjubkan.

Siri VT mempunyai dua saiz skrin dari 50 inci sehingga 65 inc dan termasuk sepasang kaca mata 3D. Selain kepuasan menonton 3D, siri VT Plasma VIERA HDTV Penuh ini juga bercirikan servis VIERA CAST dengan penyesuaian Lan *wireless* pada *USB port*, kemudahan panggilan video, SD Link untuk menonton imej digital JPEG dan video AVCHD yang dirakam pada Kad Memori SD; VIERA Link, input komputer, dua *USB port*, pensijilan THX, ulang tayang sinematik 24p, *600Hz Sub-field Drive* (menghasilkan 1080 garisan resolusi gambar bergerak TV) paparan *Infinite Black Pro* dengan nisbah kontras asli 5,000,000:1. Tambahan kepada fungsi-fungsi yang disebut, TV ini juga bercirikan *phosphor science* (sains fosforus) yang membolehkan penukaran imej dalam TV lebih pantas menjadikan imej 3D yang lancar. Kesemua TV Plasma Panasonic, model HD Penuh 3D mempunyai jangka hayat panel sehingga 100,000 jam dan tanpa *lead* dan merkuri.

Siri V Series (boleh didapati pada Ogos 2010)

Siri V VIERA terdiri dari model TH-P50V20K, sebuah HDTV Penuh 50 inci dan TH-P42V20K, sebuah HDTV Penuh 42 inci. Sama seperti siri VT, fungsi-fungsi siri V mempamerkan servis VIERA CAST dengan penyesuai LAN *wireless* yang tersedia pada *USB port*, kemudahan talian video², SD Link untuk menonton imej digital JPEG dan video HD yang dirakam pada Kad Memori SD; VIERA Link, input komputer, dua *USB port*, ulang tayang sinematik 24p,

600Hz Sub-field Drive (menghasilkan 1080 garisan resolusi gambar bergerak TV) paparan *Infinite Black Pro* dengan nisbah kontras asli 5,000,000:1.

Siri U

Siri VIERA U20 Panasonic boleh didapati dalam satu saiz skrin – model TH-P50U20K, Plasma HDTV Penuh 50 inci. Garis U dalam HDTV Penuh Plasma VIERA bercirikan *600 Hz Sub-field Drive*, SD Link untuk menonton imej digital JPEG, tiga sambungan HDMI, VIERA Link dan resolusi HD Penuh 1080p. Panel diperbuat tanpa *lead* dan merkuri dan diiktiraf sehingga 100,000 jam tanpa mengurangkan kecerahan gambar.

Siri A

Tahun 2010, Panasonic terus menghasilkan TV Definasi Tinggi Penuh, Siri A mempamerkan barisan 720 – Plasma dan TV LCD Definasi Tinggi yang membuktikan janji Panasonic untuk memuaskan permintaan pengguna untuk pilihan resolusi HDTV yang berbeza. Model TH-P42A28K, HDTV 42 inci menawarkan prestasi gambar dengan *600Hz Sub-field Drive* yang menghasilkan resolusi yang lebih terang, SD Link untuk tontonan dan perkongsian gambar digital dengan rakan dan keluarga dan VIERA Link. Seperti ahli HDTV VIERA Panasonic 2010, siri A tidak mempunyai *lead* atau merkuri dalam panel dan mempunyai jangka hayat jam sehingga 100,000 jam.

Siri X

Siri X VIERA Panasonic didapati dalam 3 saiz skrin – model TH-P50X20K, TH-P46X20K dan TH-P42X28K. Garis X TV Definasi Tinggi Plasma VIERA mempamerkan *600 Hz Sub-field Drive*, SD Link untuk tontonan imej digital gambar JPEG, tiga sambungan HDMI, VIERA Link dan resolusi HD Penuh 1080p. Model HDTV mempunyai jangka hayat panel sehingga 100,000 jam dan dihasilkan tanpa *lead* dan merkuri.

VIERA LED-LCD & LCD HDTV Panasonic 2010

Panasonic Malaysia meningkatkan komitmen ke HDTV LCD dengan mengumumkan penambahan saiz skrin ke model 42 inci dan menggunakan teknologi cahaya belakang LED.

Kebanyakan rangkaian TV LCD VIERA 2010 mempunyai panel IPS yang boleh mencapai sehingga sudut tonton 178° darjah dan resolusi gambar yang lebih tinggi untuk imej yang terang dan jelas.

LED LCD TV

Siri D

Siri D LCD LED Panasonic bercirikan HD Penuh 1080p bagi model TH-L42D25K, HDTV 42 inci. Siri D memperkenalkan teknologi *LED-backlight* (cahaya belakang LED) pada barisan model tahun 2010. TV LCD LED menggunakan LED putih yang disusun dalam bingkai TV bersama dengan panel resapan yang direka untuk penyebaran cahaya yang sekata pada belakang panel LCD.

Cara cahaya belakang panel LCD menjadikan TV LCD LED lebih nipis dan memberikan warna gamut yang lebih besar berbanding LCD cahaya belakang yang menggunakan mentol putih untuk mendapatkan sumber cahaya. Gabungan dengan panel IPS, sudut tontonan jelas, kontras diperbaiki dan kurang penggunaan tenaga.

Siri D juga mempunyai VIERA SD Link untuk tontonan imej digital gambar JPEG dengan kemudahan pertunjukkan slaid bersama muzik; VIERA Link™ - teknologi yang menggunakan HDMI-CEC (Kawalan Elektronik Pengguna) yang membolehkan pengguna menggunakan kesemua komponen A/V yang sesuai dengan VIERA Link dengan hanya alat kawalan jauh TV; input PC; filem lancer 24p; Filem Gambar Pro 4 100Hz; tiga sambungan HDMI dan input PC.

LCD

Siri U

Siri U mempamerkan tiga saiz skrin – model TH-L42U29K, TH-L37U20K dan TH-L32U20K HDTV. Siri U TV LCD HD Penuh bercirikan Resolusi HD Penuh 1080p; SD Link untuk menonton imej digital JPEG; VIERA Link; tiga sambungan HDMI dan Input PC.

Siri X

Barisan TV LCD Panasonic bagi 2010 berkembang dengan tiga tambahan model, kesemua mempunyai resolusi garis 720 p. Siri X Definasi Tinggi LCD termasuk model TH-L37X20K dan TH-L32X20K HDTV. Model X mempunyai SD Link untuk menonton imej digital JPEG; VIERA Link; tiga sambungan HDMI dan Input PC.

Siri C

Siri C mempunyai satu saiz skrin – model TH-32C20K 32 inci. TV LCD Definasi Tinggi 720p ini memaparkan SD Link untuk menonton imej digital JPEG; VIERA Link; satu input HDMI dan input komputer.

Barisan TV VIERA Panasonic tahun 2010

TV Plasma

<u>Siri</u>	<u>Jenis</u>	<u>Model</u>	<u>Di Pasaran Pada</u>
Siri VT	HD Penuh 3D	TH-P65VT20K	Ogos 2010
		TH-P50VT20K	Ogos 2010
Siri V	HD Penuh 3D	TH-P50V20K	April 2010
		TH-P42V20K	April 2010
Siri U	HD Penuh 3D	TH-P50U20K	April 2010
Siri A	Definasi Tinggi	TH-P42A28K	April 2010
Siri X:	Definasi Tinggi	TH-P50X20K	April 2010
		TH-P46X20K	April 2010
		TH-P42X20K	April 2010

TV LED LCD

<u>Siri</u>	<u>Jenis</u>	<u>Model</u>	<u>Di Pasaran Pada</u>
Siri D	HD Penuh	TH-L42D25K	April 2010

TV LCD

<u>Siri</u>	<u>Jenis</u>	<u>Model</u>	<u>Di Pasaran Pada</u>
Siri U	HD Penuh	TH-L42U29K	April 2010
		TH-L37U20K	April 2010
		TH-L32U20K	April 2010
Siri X	Definasi Tinggi	TH-L37X20K	April 2010
		TH-L32X20K	April 2010
Siri C	Definasi Tinggi	TH-L32C20K	April 2010

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Ho Lip Kee
Pengurus, Audio Visual Digital
Tel: 03 7809 7686 Mobil: 012 3866788
Emel: lipkee.ho@my.panasonic.com

###